

**YAYASAN ISLAM KELANTAN
KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION**

Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Tel : 09-712 6315, 09-712 6933 & 712 8144
09-712 6040 (Lembaga Peperiksaan) Fax : 09-712 7806
email: yik@kelantan.gov.my www.yik.kelantan.gov.my



المؤسسة الإسلامية بـكـلنتان

تيليفون: 09-7126315 (المكتب) 09-7126933
09-7126040 (هيئة الإمتحانات)
فاكس: 09-7127806
نظام لوري، ص.ب.: 248 15730، كوتبهارو، كلنتان، ماليزيا.

Ruj.Kami : YIK/100/1/1-3 Jld.5 (96)
Bertarikh : 16 Jamadilawal 1437
Bersamaan : 25 Februari 2016

YBrs Tuan Pengetua
Maahad Kerajaan
Maahad Tahfiz
Kolej Tahfiz Sains
Syeikh Pusat Pengajian Pondok
Sek. Men. Ugama (Arab)
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan(SABK)
Tadika Islam

Tuan,

**TAWARAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN DI
TINGKATAN 4 DAN TINGKATAN 5**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Yayasan Islam Kelantan telah bersetuju menawarkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Di Tingkatan 4 Dan Tingkatan 5 tahun 2016 sebagai kesinambungan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 bermula pada 01 Mac 2016.
3. Rasional dan cadangan pelaksanaan adalah sebagaimana lampiran berkembar.


Sekian untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Terima kasih

**“ SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN ”
‘ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ’**

‘ AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH ’

Yang menurut perintah,


(HAJI CHE KAMARUDIN KAMEL BIN CHE MUHAMMAD)
Timbalan Pengarah (Sekolah)
b.p:- Pengarah
Yayasan Islam Kelantan

LAMPIRAN

1. RASIONAL DAN OBJEKTIF

- a. Mata pelajaran ini berkait rapat dengan pelaksanaan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5
- b. Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan ujian SEGAK dan PAJSK semasa PnP mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
- c. Ujian SEGAK dilaksanakan 2 kali setahun iaitu 1 kali dalam Penggal Pertama dan 1 kali dalam Penggal Kedua
- d. PAJSK pula dilaksanakan sekali setahun iaitu pada penggal kedua.
- e. Mata pelajaran ini adalah kesinambungan daripada mata pelajaran yang telah ditawarkan kepada peajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.
- f. Ujian SEGAK dan PAJSK ini adalah kesinambungan daripada ujian yang telah dilaksanakan kepada pelajar Tingkatan 3 iaitu Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)
- g. Ujian SEGAK dan PAJSK ini boleh dilaksana semasa proses PnP mata pelajaran ini.
- h. Ujian SEGAK dan PAJSK ini memberi nilai markah 10% kokurikulum
- i. Nilai markah 10% kokurikulum ini sangat penting untuk melayakkan pelajar melanjutkan pengajian ke IPT dan berkerjaya.
- j. Permohonan ke IPT tidak akan diproses tanpa markah 10% kokurikulum.

2. CADANGAN PELAKSANAAN

- a. Mata pelajaran ini ditawarkan kepada semua pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di semua sekolah YIK dan Pusat Pengajian Pondok.
- b. Mengambil kira jumlah mata pelajaran yang ditawarkan di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sangat banyak, adalah dicadangkan mata pelajaran ini ditumpangkan kepada mata pelajaran seperti berikut :
 - Tingkatan 4 menumpang mata pelajaran Matematik.
 - Tingkatan 5 menumpang mata pelajaran Adab Nusus.
- c. Kadar kekerapannya ialah 3 minggu sekali.
- d. Guru Matematik yang mengajar di Tingkatan 4 kelas berkenaan adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan perkara ini.
- e. Guru Adab Nusus yang mengajar di Tingkatan 5 kelas berkenaan adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan perkara ini.
- f. Pentadbir sekolah mestilah memantau pelaksanaan perkara ini.
- g. Cadangan pelaksanaan perkara ini bermula 01 Mac 2016.

Disediakan Oleh;

Unit Kokurikulum

Yayasan Islam Kelantan